



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM)
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HA DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-76 TAHUN**

Tarikh: 20hb Julai 2022

1. Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah membuat lawatan pemeriksaan mengejut ke atas gerai-gerai jualan perayaan (bermusim) sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-76 tahun. Operasi Penguatkuasaan dilaksanakan pada Isnin, 18hb Julai 2022.
2. Lawatan pemeriksaan berkenaan merupakan inisiatif yang berterusan bagi melindungi hak pengguna dan seterusnya mempromosikan prinsip perniagaan yang telus. Unit SDT telah membuat pemeriksaan ke atas penggunaan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan bagi tujuan perdagangan dan memastikan ianya adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
3. Hasil daripada lawatan pemeriksaan berkenaan, Unit SDT telah mendapati sebanyak lima belas (15) unit alat sukat dan timbang gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151. Pemilik-pemilik alat berkenaan telah dikeluarkan Notis Peringatan dan dikehendaki hadir ke Pejabat Unit Sukatan dan Timbangan dalam tempoh **TIGA** (3) hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memastikan alat-alat yang digunakan untuk perdagangan adalah mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
4. Sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah seksyen 3(2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.
5. Hukuman denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama 3 bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu adalah boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah.
6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn.



PRESS RELEASE
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**INSPECTION VISITS TO FESTIVE STALLS IN CONJUNCTION WITH HIS MAJESTY
SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'S 76TH
BIRTHDAY CELEBRATION**

Date: 20th July 2022

1. Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under Ministry of Finance and Economy conducted spot check visits to the festive stalls in conjunction with His Majesty's Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam's 76th birthday celebration. The Enforcement Operation was carried out on Monday, 18th July 2022.
2. The operation was part of the ongoing initiative to protect consumers and to further encourage local businesses to be transparent in conducting their business activities. During the operation, SDT also conducted checks on the weighing machines that are used for business purposes and to ensure that it is in accordance with the Weights and Measures Act, 1983 Chapter 151 and the stipulated guidelines under the Act.
3. During the inspection visits, SDT has found fifteen (15) units weighing machines that failed to comply with the Weights and Measures Act, 1983 Chapter 151. The owners of the equipment have been issued with a notice and are required to register the said equipment used for trade within **THREE (3)** working days at the nearest Weights and Measures Unit office.
4. As stipulated in the Weights and Measures (Verification) Regulations, 1994 under section 3(2); Every person who uses or has in his possession for use for trade any weight, measure or instrument for weighing not stamped as required by this regulation shall be guilty of an offence. The penalty for such offence is a fine of BND1,000.00 or imprisonment for three (3) months or both and instrument for weighing shall be liable to be forfeited and any contract, bargain, sale or dealing made by such weight, measure or instrument for Weighing shall be void.
5. For any enquiries, the public may contact Weights and Measures Unit, MOFE via email: sdt@mofe.gov.bn.

**LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM)
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-76 TAHUN**



**LAWATAN PEMERIKSAAN KE GERAI-GERAI JUALAN PERAYAAN (BERMUSIM)
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-76 TAHUN**

